



KENYATAAN TAWARAN

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

1. Tender adalah dipelawa secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan (T1) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) seperti berikut:
 - a. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB Gred G4; dan
 - b. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan CIDB Kategori B dan Pengkhususan B28 – Kerja-kerja Ubahsuai

yang masih sah untuk menyertai **TENDER KERJA 'REINSTATEMENT' DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PEJABAT PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MYIPO), TOWER B, MENARA UOA BANGSAR, KUALA LUMPUR.**

Tempoh sah laku Sijil PPK, SPKK dengan CIDB adalah tidak kurang dari 3 bulan dari tarikh tutup tender ini. Sekiranya sijil akan tamat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup tender, bukti pelanjutan/pembaharuan pendaftaran dengan CIDB perlu dikemukakan.

2. Petender-petender yang layak dan berminat bolehlah membuat semakan Dokumen Meja Tender bermula pada **28 Februari 2023**. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman web MyIPO di <http://www.myipo.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tempoh Penjualan Dokumen : **06 hingga 24 Mac 2023**

Masa : Kaunter Pembayaran
Aras 1, Unit 1 - 7
09.00 pagi – 4.30 petang
Isnin hingga Jumaat (kecuali Cuti Umum)

Tempat Dokumen Meja : Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Tingkat 18, Tower B
Menara UOA Bangsar
No. 5 Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

3. Dokumen Tender boleh dibeli pada harga **RM 100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja) sesalinan lembut** dengan menggunakan Draf Bank/ Kiriman Wang Pos/ Wang Kiriman Pos Berpalang di atas nama **Perbadanan Harta Intelek Malaysia**.

4. Semasa membeli Dokumen Tender, petender hendaklah mengemukakan **SALINAN ASAL dan SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut:

4.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB;

4.2 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dengan CIDB;

yang masih sah pendaftarannya.

5. Sesi taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **06 Mac 2023 (Isnin)**. Semua Petender yang berminat perlu berkumpul di Akademi Harta Intelek, Aras 12A Tower B Menara UOA Bangsar pada/sebelum jam 10.00 pagi.
6. Dokumen Tender yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri/bermetri dan ditulis Tajuk Tender di ruang sebelah kiri sampul surat. Dokumen Tender ini hendaklah dimasukkan sendiri atau pos dan sampai ke Peti Tender di Aras 20, Menara MyIPO PJ Sentral, Bahagian Kewangan, Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan sebelum atau pada **27 Mac 2023 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**.

Nota:

T1 - Syarikat 100% milik tempatan